

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

BAZIR & BOROS

apa bezanya?

¹Nur Syikri Harun

²Fathiyah Ismail

²Norchahaya Johar

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu¹

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu²

◆ ◆

Seringkali kedengaran perkataan 'bazir' digunakan dalam kehidupan seharian, khususnya apabila dikaitkan dengan rezeki yang tidak dihabiskan, contohnya membuang nasi yang tidak habis dimakan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi keempat), perkataan 'membazir' didefinisikan sebagai 'berlebih-lebihan sehingga terbuang'. Contoh lain yang dibawa oleh kamus ini ialah seperti 'kenduri kahwin yang dibuat secara besar-besaran adalah membazir sahaja'. Dalam kehidupan seharian kita, orang tua kita mungkin tidak menggalakkan kita menggunakan air secara membazir, terutamanya dalam musim kemarau. Selain itu, kita juga dilarang membazirkan masa dan tenaga dalam kerja buat kita. Tidak kurang pula perkataan 'bazir' ini disinonimkan dengan boros, iaitu membuang-buang. Contoh-contoh ini selalu terkait dengan penggunaan kata dasar 'bazir'.

Namun, sebenarnya terdapat perbezaan antara 'bazir' dan 'boros'. Walaupun kedua-dua perkataan ini sering disifatkan sebagai seerti, ia tetap mempunyai konteksnya yang tersendiri. Jarang pula kita terdengar perkataan 'boros' disebut-sebut setiap kali makanan tidak dihabiskan. Tetapi perkataan 'bazir' selalu terdengang di telinga tatkala nasi dalam pinggan tidak dapat ditelan kesemuanya, lalu berakhir dalam tong sampah.

*"Mung kenak sungguh ko nasik!"
Ore lain kebulor nok boleh ko
make nasik! Boleh make nasik
denge gare pun takpo doh. Gak
mung boleh tohok nasik dale tong
sapoh! Bazir sungguh la mung!
Baso kufur nikmat kakah ning".*

Barangkali itulah konteks 'membazir' yang selalu kita dengari.

Perkataan 'bazir' berasal daripada Bahasa Arab, iaitu '*tabzhir*' atau pembaziran dan jelas disebut dalam al-Quran. Manakala perkataan 'boros' pula disebut sebagai '*israf*' atau pemborosan. Jika seseorang itu membazir, dia digelar '*mubazzir*'. Sekiranya seseorang itu memboros pula, dia digelar '*musrif*'.

Dalam al-Quran, Allah S.W.T. telah menyifatkan bahawa orang yang membazir itu sebagai saudara syaitan. Kenyataan ini telah dirakamkan dalam

Surah ke-17 (*al-Isra'*), ayat 26-27, yang bermaksud:

"Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan bazir yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya".

Berdasarkan apa yang telah saya pelajari dan kaji berdasarkan pengajian secara bertalaqqi dengan guru, perbuatan membazir ini ada kaitannya dengan hukum halal dan haram. Begitu juga dengan perkataan 'boros'. Menurut Maulana Syeikh Mokhtar Ali Muhammad al-Dusuqi, seorang ulamak sufi bertaraf Waliyullah dan berketurunan Rasulullah S.A.W. yang berasal dari tanah Mesir *al-Mahrusah*, perkataan 'bazir' berkait rapat dengan perkara-perkara haram. Sebagai contoh, wang halal hasil daripada pekerjaan halal, tetapi digunakan untuk melakukan perkara yang ditegah oleh syarak seperti membeli arak, berjudi dan tikam ekor, menghabiskan wang di kelab malam dan pab, mengupah seseorang untuk membunuh orang lain, melanggan pelacur, membeli produk buatan Israel yang diketahui hasil keuntungannya itu bakal digunakan untuk membeli senjata perang untuk memerangi orang Islam, dan sebagainya. Ini bererti wang



yang disalurkan atau dibelanjakan untuk melakukan maksiat adalah dikira 'membazir'. Dalam erti kata lain, maksiat dan dosa yang dilakukan dengan wang yang halal itu adalah satu pembaziran. Ini kerana wang yang halal itu sepatutnya digunakan untuk perkara yang halal, harus, atau yang baik-baik sahaja.

Bagaimana pula dengan 'boros'? Betulkah selama ini perkataan 'boros' dikatakan begitu sinonim dengan perkataan 'bazir'? Sebenarnya, kurang tepat apabila boros disama ertikan dengan bazir. Ini kerana perbuatan memboros itu berlaku apabila kita berlebih-lebihan dalam menggunakan sesuatu, seumpama makan dan minum. Allah telah berfirman dalam Ayat ke-31 Surah ke-7 (*al-A'raf*) ayat ke-31:

"Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) mesjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Perkara berkaitan boros ini juga telah dinyatakan dalam Ayat ke-141 Surah ke-6 (*al-An'am*) yang bermaksud:

"Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebon yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon korma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buahnya (yang bermacam-macam itu) bila dia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari



memetik hasilnya (dengan disedekahkan kepada fakir miskin); dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan”.

Untuk lebih mendekatkan lagi kita dengan kefahaman berkenaan boros ini, suka saya menggunakan nasi sebagai contoh. Katakanlah kita ambil nasi sepinggan yang masih panas untuk dimakan. Baru sahaja habis dimakan separuh, nasi yang berlebihan itu dibuang ke dalam tong sampah, lalu diambil pula sepinggan nasi yang baru dan sebahagiannya dimakan. Kemudian, separuh pinggan nasi yang tidak dimakan itu dibuang pula ke dalam tong sampah. Maka inilah yang dikatakan memboros, wahai saudara dan saudariku. Nasi yang

dimakan itu halal. Namun nasi yang dibuang itu dikira boros. Sepatutnya kita hanya perlu makan sepinggan nasi sahaja. Tidak perlu ambil sepinggan dan dibuang separuhnya, kemudian diambil sepinggan lagi dan dibuang pula separuhnya. Pun begitu, kenapa perbuatan ini masih tidak dianggap 'membazir'? Ini kerana nasi adalah halal dan memakan nasi adalah halal. Walau bagaimanapun, membuang benda halal (nasi separuh pinggan) yang tidak sepatutnya disia-siakan itu adalah boros. Boleh saja kita makan sepinggan nasi dan sepinggan lagi nasi diberikan kepada orang yang memerlukan/lapar. Kita tidak perlu berlebih-lebihan dalam hal makan minum ini. Cuma nafsu yang kata tidak cukup. Sebab itu perbuatan boros ini seringkali terjadi di bulan Ramadan di mana kita boleh melihat ramai orang

berpusu-pusu ke Bazar Ramadan untuk membeli pelbagai juadah berbuka puasa secara berlebih-lebihan.

Bercerita tentang bazir dan boros ini, saya teringat sebuah cerita berkaitan seorang selebriti komedi, iaitu Sabri Yunus. Siapa tak kenal beliau? Semua orang kenal, kan? Beliau pernah suatu hari menceritakan tentang kehidupannya semasa kecil. Keluarganya bukanlah keluarga yang senang. Ditambah pula dengan bilangan adik-beradik yang ramai, maka semua benda perlu dikongsi. Ini termasuklah makanan. Pernah Sabri Yunus melihat ayahnya membawa pulang dua biji epal. Dalam hatinya, beliau teringin makan sebiji epal seorang. Malangnya, dua biji epal itu haruslah dikongsi adik-beradiknya yang ramai. Mana boleh makan sorang-sorang! Sejak itu, Sabri Yunus bertekad mahu bekerja untuk mendapatkan wang agar beliau dapat makan epal sepuas-puasnya. Setelah dewasa, beliau merantau ke Singapura untuk bekerja disana. Setelah mendapat gaji pertamanya, Sabri Yunus membeli dua kilogram epal; kira-kira dua belas biji epal semuanya. Mengenangkan pengalaman ketika kecilnya yang tidak puas makan epal itu, beliau mengambil sebiji epal dan menggigitnya hanya sekali. Epal tersebut lantas dibuang terus ke dalam tong sampah. Kemudian epal kedua menyusul pula. Digigitnya sekali, lalu dibuang terus. Epal ketiga juga digigit sekali lalu dibuang, dan begitulah seterusnya sehingga epal yang kedua belas yang mengalami nasib yang sama dengan epal-epal lain. Kenapa beliau buat begitu? Ini kerana beliau teringat zaman kecilnya yang serba-serbi kekurangan dan merasa geram dengan pengalaman pahitnya itu. Hasilnya, beliau hanya makan epal sebanyak dua belas kali gigitan, bukannya dua belas biji epal seberat dua kilogram itu. Adakah Sabri Yunus membazir? Tidak. Beliau tidak menggunakan epal untuk melakukan perkara haram seperti membaling epal

tepat ke arah kepala orang dengan niat membunuhnya atau sekurang-kurangnya menyakitkan kepalanya. Sebaliknya, beliau hanya memboros - membuang makanan halal (epal). Sepatutnya, beliau hanya perlu makan sebiji dua epal dan bakinya disimpan untuk dimakan pada masa lain.

Apakah yang akan berlaku sekiranya seseorang yang melakukan perbuatan 'memboros' itu dikatakan 'membazir'? Menurut ayat yang dipetik daripada Surah al-Isra' seperti diatas, orang yang membazir itu adalah saudara Syaitan. Maka siapakah Syaitan itu? Ia adalah makhluk Allah yang dilaknat oleh-Nya sehingga hari kiamat. Laknat itu apa? Laknat bermaksud "*Tiada Rahmat Allah bagi Syaitan selama-lamanya*". Sekiranya orang yang melakukan perbuatan memboros itu dikatakan membazir, iaitu menggunakan rezeki yang halal untuk melakukan perbuatan maksiat dan dosa menurut syarak, maka kita boleh menganggapnya saudara Syaitan. Ini jelas dalam ayat ke-26 dan 27 dalam Surah al-Isra' tersebut. Namun, sekiranya seseorang itu hanya memboros, seperti contoh nasi dan epal yang saya ceritakan seperti di atas, tetapi orang tersebut dikatakan membazir, maka tidak sayugialah orang itu dianggap saudara Syaitan. Ini berikutan melemparkan tuduhan saudara Syaitan itu kepada orang yang melakukan perbuatan memboros adalah tuduhan berat. Ini kerana saudara kepada Syaitan itu juga dilaknat seperti terlaknatnya Syaitan.

Sebagai kesimpulannya, perbuatan memboros itu berbeza daripada perbuatan membazir. Orang yang membazir adalah orang yang melakukan perkara haram dengan hartanya yang halal. Manakala orang yang memboros pula adalah orang yang mensia-siakan rezeki yang halal seperti membuang makanan halal dengan sengaja. Kedua-dua perkataan ini kedengaran sama, namun tidak serupa. Kita

perlu ingat bahawa setiap perkataan ada konteksnya yang tersendiri. Konteks halal dan haram inilah yang menjadi punca samada seseorang itu dianggap membazir atau memboros. Walaupun perbuatan memboros itu berbeza daripada membazir, adakah ini bermaksud sikap boros itu boleh diterima? Tidak sama sekali! Ia tetap salah dan menambah timbangan dosa, cuma sikap boros itu tidaklah sampai menjadikan manusia itu dilaknat seperti Syaitan. Oleh itu, janganlah kita terlalu cepat melemparkan tuduhan saudara Syaitan kepada orang yang memboros kerana tuduhan sembarono tersebut boleh menyebabkan kita pula yang terlaknat secara percuma.

• • •



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811